



Baki duit guru tinggal RM78 ditipu scammer RM200,000

SEREMBAN – Panik apabila menerima panggilan telefon terlibat pengubahan wang haram, seorang guru terjerat Macau Scam dan wang simpanannya kini berbaki RM78 sahaja.

Lebih malang, mangsa iaitu wanita berusia 43 tahun dari Kuala Pilah itu turut membuat pinjaman sebanyak RM200,000 dari dua buah bank seperti diarahkan ahli sindiket.

Sementara wang RM65,225.50 merupakan duit simpanan mangsa turut lesap.

Kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd. Ghani, pada Jun tahun lalu itu, mangsa menerima panggilan daripada syarikat insurans takaful Ampangan Jaya mengenai pengesahan tuntutan yang dilakukannya.

"Mangsa menafikan berurusan dengan insurans itu dan tiada pernah buat tuntutan. Pihak insurans maklumkan mereka akan membuat laporan polis berkaitan hal berkenaan dan mangsa hanya berdiam diri.

"Selepas itu dia menerima panggilan dari Sarjan Razlan daripada Balai Polis Ampangan Jaya dan memaklumkan maklumat peribadi milik mangsa

iaitu nama dan nombor kad pengenalan terlibat dengan kes pengubahan wang haram dibawah Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah.

"Malah, mangsa ditakutkan terdapat 13 akaun bank yang dibuka dan terlibat dengan kes pengubahan wang haram itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, selama hampir lima bulan iaitu sepanjang Jun hingga awal Oktober, mangsa berhubung dengan sindiket melalui WhatsApp.

"Selepas itu, bermula 29 Oktober tahun lalu sehingga 26 Mac, mangsa telah buat sembilan transaksi pindahan atau memasukkan wang tunai ke akaun Bank Rakyat miliknya sendiri berjumlah RM265,225.50.

"Pada 8 April lalu, semasa mangsa buat semakan akaun Bank Rakyat itu didapati baki hanya tinggal RM78," jelasnya.

Menurutnya, susulan kejadian berkenaan, mangsa yang tidak pernah mendaftar perbankan online bagi bank berkenaan telah membuat laporan di Balai Polis Kuala Pilah semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana penipuan.